

LAMPIRAN
A, B, C & D

LAMPIRAN A

SOAL SELIDIK

Saya **Kamarudin Bin Arim EGCX 01020**, adalah pelajar semester akhir bagi Kursus Sarjana Pentadbiran Awam, Universiti Malaya. Saya sedang menjalankan kajian mengenai **Korupsi Dan Pembangunan: Kajian Kes Tentang Rasuah Di Malaysia**. Saya merasa amat berbesar hati sekiranya tuan/puan dapat menjawab soalan-soalan berikut:

[Sila tandakan pada kotak]

1. Jantina: Lelaki Perempuan

2. Nama Kementerian/Bahagian/Unit : _____

Berapa lamakah anda telah berkhidmat di Kementerian/Bahagian/Unit berkenaan:

kurang dari 3 tahun 7 – 9 tahun 13 - 15 tahun
 4 – 6 tahun 10 – 12 tahun 15 tahun ke atas

3. Gaji:

kurang RM 1,000 RM 2,000 - 3,000 RM 4,000 ke atas
 RM 1,000 - 2,000 RM 3,000 - 4,000

4. Peringkat jawatan:

Kumpulan Pengurusan Tertinggi Kumpulan Sokongan I
 Kumpulan Pengurusan Kumpulan Sokongan II

5. Umur (dalam tahun):

kurang 20 tahun 26 – 30 tahun 36 – 40 tahun
 21 – 25 tahun 31 – 35 tahun 40 tahun ke atas

6. Pembangunan merupakan satu cara untuk mengubah kehidupan manusia agar menjadi lebih baik lagi.

Ya Tidak (Sebabnya:)

7. Apakah peranan kerajaan di dalam pembangunan negara?

(boleh pilih lebih dari satu)

- Perancangan polisi pembangunan negara
- Penyediaan peruntukan pembangunan
- Pelaksanaan polisi pembangunan negara
- Pemantauan projek pembangunan negara
- Menilai projek pembangunan negara

Lain-lain:

8. Bagi membangunkan negara, pelbagai insentif diberikan oleh kerajaan di antaranya ialah: (boleh pilih lebih dari satu)

- Pengecualian tarif
- Kawasan Perdagangan Bebas
- Subsidi
- Sekatan Perdagangan Ke atas Barang Import (bagi membantu industri dalam negara)
- Kawalan Harga
- Pinjaman Kewangan Yang Longgar Syaratnya

Lain-lain :

9. Adakah anda bersetuju bahawa insentif-insentif yang dinyatakan di perkara 8 di atas merupakan antara bentuk-bentuk campurtangan kerajaan di dalam pembangunan negara.

Ya Tidak (Sebabnya:)

10. Adakah anda bersetuju bahawa, semakin banyak campurtangan kerajaan di dalam pembangunan, maka semakin meningkat pembangunan negara?

Ya Tidak (Sebabnya:)

11. Sebaliknya ada yang berpendapat bahawa, semakin banyak campurtangan kerajaan di dalam pembangunan negara menyebabkan mereka perlu memberikan rasuah untuk kelulusan segera, perlu bernaung dengan tokoh politik tertentu bagi memudahkan mendapat projek, dsbnya. Bagaimana pandangan anda?

Setuju Tidak setuju (Sebabnya:)

12. Pada pendapat anda, bagaimanakah projek-projek pembangunan negara diberikan kepada pemaju-pemaju atau tokoh-tokoh korporat yang tertentu?

(boleh pilih lebih dari satu)

- Melalui tender terbuka
- Melalui *direct negotiation* dengan pemaju/tokoh korporat berkaitan
- Melalui campurtangan kerajaan (kerajaan sendiri menentukan pemaju/tokoh korporat yang mana akan memajukan projek tersebut)

Lain-lain:

13. Adakah anda bersetuju bahawa, di dalam proses pemilihan pemaju/tokoh korporat tertentu bagi memajukan sesuatu projek negara, unsur-unsur seperti *nepotism* atau *kronism* tidak dapat dielakkan dari berlaku?

Ya Tidak (Sebabnya:)

14. Para penganalisa berpendapat, *nepotism* atau *kronism* juga merupakan satu bentuk rasuah. Bagaimana pandangan anda?

- Setuju (Sebabnya:)
- Tidak Setuju (Sebabnya:)

15. Apakah yang anda faham mengenai "rasuah"? (maksud/definisi rasuah)

.....
.....

16. Apakah punca berlakunya rasuah di Malaysia? (boleh pilih lebih dari satu)

- Ingin Hidup Mewah
- Hidup Suka Bermegah-Megah (pepatah: "biar pape asal bergaye")
- Kurangnya Penghayatan Nilai-nilai Murni Dan Akhlak Yang Baik
- Kurangnya Penyeliaan Dari Pegawai Atasan
- Terlalu Banyak Penurunan Kuasa Kepada Pegawai Bawahan
- Longgarnya Tatacara Dan Peraturan Kerja

Lain-lain:

17. Ada juga yang berpendapat bahawa, adakalanya rasuah diperlukan bagi mempercepatkan sesuatu urusan (misalnya dapat menjimatkan kos, masa menunggu yang lama, mudah mendapat projek dan sebagainya).

Setuju (Sebabnya:
.....)

Tidak Setuju (Sebabnya:
.....)

18. Ada yang berpendapat, semakin pesat pembangunan sesebuah negara maka, semakin tinggi kadar rasuahnya. Pada pandangan anda, adakah sebarang pertalian di antara pembangunan dan rasuah di dalam pembangunan negara Malaysia?

Ya (Sebabnya:
.....)

Tidak (Sebabnya:
.....)

19. Pada pandangan anda, apakah yang akan berlaku sekiranya ahli-ahli politik juga terlibat di dalam perniagaan tertentu (*political business*)?

.....
.....

20. Apakah cadangan anda untuk mengatasi masalah *political business* di atas?

.....
.....
.....

21. Apakah usaha-usaha yang patut dilakukan kerajaan untuk meningkatkan lagi penyertaan dan sokongan yang padu serta berterusan di kalangan pemimpin-pemimpin, kumpulan-kumpulan berpengaruh dan masyarakat umum agar menentang jenayah rasuah serta penyalahgunaan kuasa?

.....
.....
.....
.....

22. Apakah harapan anda terhadap masa depan negara Malaysia yang seharusnya bebas dari gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa demi untuk merealisasikan Wawasan 2020?

.....
.....
.....
.....

- SEKIAN, TERIMA KASIH -

LAMPIRAN B

SOALAN SEMASA SESI WAWANCARA BERSAMA BADAN PENCEGAH RASUAH (BPR) MALAYSIA

1. Apakah program yang telah dijalankan bagi menggalakkan orang ramai membuat aduan tentang kegiatan rasuah?
2. Setakat ini bagaimana BPR menguruskan setiap aduan yang dibuat, apakah sistem yang digunakan dan sejauh manakah keberkesanannya?
3. Bolehkah saya mendapatkan statistik terkini mengenai rasuah di Malaysia?
4. Apakah cadangan BPR bagi mengatasi masalah rasuah di Malaysia khasnya yang melibatkan tokoh-tokoh politik mahupun korporat tertentu?
5. Apakah antara sebab berlakunya rasuah di Malaysia? Adakah ia disebabkan oleh terlalu banyak campur tangan kerajaan di dalam pembangunan negara?
6. Pada pandangan anda, apakah cara yang terbaik bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti perkhidmatan awam agar bebas dari gejala rasuah?
7. Adakah BPR juga bersetuju bahawa kronisme atau nepotisme juga merupakan satu bentuk rasuah? Bagaimana BPR menangani masalah ini?
8. Dewasa ini, orang ramai serta pemimpin pembangkang mula mempertikaikan fungsi BPR di dalam menangani persoalan rasuah di Malaysia misalnya dalam kes-kes tertentu seperti Perwaja dan sebagainya yang melibatkan tokoh politik tertentu. Bagaimana BPR menghadapi perkara ini?
9. Setakat ini, sejauh manakah keberkesanan Akta Pencegahan Rasuah Di Malaysia?
10. Apakah rancangan akan datang BPR di dalam menangani masalah rasuah di Malaysia? Setakat ini, bagaimanakah keadaan rasuah di Malaysia?

LAMPIRAN C

SOALAN SEMASA SESI WAWANCARA BERSAMA UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI

1. Apakah polisi atau strategi pembangunan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh EPU?
2. Setakat ini, sejauh manakah keberkesanan polisi pembangunan di Malaysia?
3. Malaysia telah membangun dengan pesat. Persoalannya ialah, bagaimana pemberian projek-projek kerajaan dibuat? Siapakah pemaju/tokoh korporat yang terlibat? Adakah *direct negotiation* juga digunakan dalam hal ini?
4. Sehingga kini, apakah tindakan yang telah dibuat ke atas pemaju atau tokoh korporat yang gagal melaksanakan projek-projek kerajaan? Adakah statistik mengenainya?
5. Ada yang berpendapat bahawa, tidak mengapa projek tersebut tidak dapat diselesaikan ataupun mengalami kerugian kerana kerajaan akan *bail-out* kemudian nanti (dengan harga tawaran yang lebih baik). Apakah pandangan EPU dalam hal ini?
6. Selain itu, sesetengah pihak mendakwa bahawa polisi Persyarikatan Malaysia dan juga Penswastaan tidak mencapai matlamat yang hendak dicapai sebaliknya lebih banyak menguntungkan pihak-pihak tertentu yang rapat dengan tokoh-tokoh politik pemerintah. Apakah pandangan EPU dalam hal ini?
7. Apakah cadangan EPU bagi mengatasi masalah *political business, cronyism, nepotism* dan rasuah di dalam pembangunan negara Malaysia?
8. Pada pandangan EPU, adakah pertalian di antara pembangunan dan rasuah di dalam pembangunan negara Malaysia? Ada yang berpendapat, semakin pesat pembangunan maka, semakin meningkatlah kadar rasuah? Begitu juga, semakin banyak campur tangan kerajaan dalam pembangunan maka, rasuah juga turut meningkat?

LAMPIRAN D

SOALAN SEMASA SESI WAWANCARA BERSAMA Y.B. DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM

1. Pada pendapat Y.B., apakah yang dimaksudkan dengan rasuah?
2. Apakah punca berlakunya rasuah di Malaysia?
3. Apakah kesan rasuah ke atas ekonomi negara dan rakyat keseluruhannya?
4. Penganalisa ekonomi mendapati nepotisme, kronisme, politik wang, *political patronage*, *political business* dan yang berkaitan dengannya juga dikategorikan sebagai rasuah. Bagaimana pandangan Y.B. dalam hal ini?
5. Selalunya rasuah dalam bentuk nepotisme/kronisme ini berlaku akibat dari campur tangan politik atau pemerintah di dalam pembangunan ekonomi negara. Misalnya pemberian projek kerajaan kepada tokoh korporat yang pro-kerajaan dan sebagainya. Apa komen Y.B.?
6. Sejauh manakah campur tangan kerajaan di dalam pembangunan negara telah menyebabkan berlakunya rasuah?
7. Pada pandangan Y.B., sejauh manakah berkesannya Badan Pencegah Rasuah (BPR) melalui Akta Pencegahan Rasuah 1997 dalam menangani permasalahan rasuah di negara ini?
8. Adakah Badan Pencegah Rasuah merupakan satu badan yang benar-benar bebas dari campur tangan politik khasnya dari parti pemerintah?
9. Dewasa ini, pendedahan mengenai rasuah telah menyebabkan individu yang membuat laporan dikenakan tekanan/tindakan manakala orang yang dituduh tidak dikenakan sebarang tindakan. Akibatnya orang ramai enggan membuat laporan lebih-lebih lagi bagi kes-kes yang melibatkan VVIP ataupun Menteri sendiri. Apa pandangan YB.?

10. Selain itu, kebanyakkan kes rasuah, salahguna kuasa dan sebagainya yang dilaporkan oleh mereka yang pro-kerajaan selalunya mendapat keutamaan untuk diambil tindakan yang segera berbanding dengan laporan yang dibuat oleh mereka yang pro-pembangkang. Apa komen Y.B. dalam hal ini?
11. Apakah usaha-usaha yang patut dilakukan untuk meningkatkan lagi penyertaan dan sokongan yang padu serta berterusan di kalangan pemimpin-pemimpin, kumpulan-kumpulan berpengaruh dan masyarakat umum dalam usaha-usaha menentang rasuah serta penyalahgunaan kuasa?
12. Apakah harapan Y.B. terhadap masa depan negara Malaysia yang seharusnya bebas dari gejala rasuah demi untuk merealisasikan Wawasan 2020?